



## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN

### #USAHANITADIGITAL: PLATFORM LATIHAN & TRANSFORMASI KE ARAH EKONOMI DIGITAL

**Shah Alam, 10 April 2025** – Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, dengan pelaksanaan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS), hari ini secara rasmi melancarkan **Program #USAHANITADIGITAL**, sebuah inisiatif berimpak tinggi yang dirancang khusus bagi memperkasa usahawan wanita muda dalam bidang pemasaran digital dan e-dagang.

Majlis pelancaran telah berlangsung dengan penuh meriah di Dewan Perdana, Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam, dan diserikan dengan kehadiran barisan tenaga pengajar dan rakan strategik industri digital.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif WBS, **Puan Siti Faridah binti Abdul Samad**, sebelum disusuli dengan ucapan perasmian oleh **EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, YB Puan Anfaal binti Saari**.

Dalam ucapan perasmianya, YB Puan Anfaal menekankan kepentingan memperkukuh keupayaan usahawan wanita muda dalam mendepani arus transformasi digital yang pantas.

“Program ini adalah penerusan daripada program digital usahawan wanita muda yang pernah diadakan pada tahun 2024. Lanjutan daripada sambutan yang sangat menggalakkan pada siri lepas, program ini diteruskan lagi dengan beberapa aspek penambahbaikan”, ujar beliau.

Menurut beliau lagi, “Program USAHANITADIGITAL bukan sekadar platform latihan, tetapi medan pemerikasaan yang menyediakan bimbingan komprehensif kepada wanita muda untuk menjadi usahawan digital yang kompetitif dan berdaya saing. Ia membuka ruang bukan hanya kepada peningkatan kemahiran, tetapi juga peluang pasaran, sokongan industri serta jaringan kolaboratif yang meluas”.

Majlis turut menyaksikan pemeteraian **Memorandum Persefahaman (MoU)** antara WBS dan rakan kolaborasi strategik iaitu **Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI)**, **Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor)**, **Yayasan Peneraju**, dan **Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation (SIDEK)**. Kerjasama ini dijangka memperkukuh lagi ekosistem keusahawanan digital wanita di Selangor.

Sebanyak **236 permohonan diterima** dan seramai **203 usahawan wanita muda** telah terpilih menyertai program ini selepas melalui proses saringan yang teliti. Mereka akan mengikuti siri latihan intensif selama **tiga (3) bulan** bermula dari April 2025 sehingga Jun 2026 merangkumi bengkel, sesi bimbingan bersama pakar industri, dan latihan berasaskan amalan terbaik dalam pemasaran digital serta e-dagang.

Antara barisan tenaga pengajar profesional yang terlibat ialah **Puan Rita Murni**, **Dr Nurhidayah Roslan**, **Tuan Michael Lim**, dan **Tuan Mohd Fahmi Dato’ Haji Taib**. Turut menyerikan sesi diskusi panel ialah tokoh industri digital seperti **Dr Andrea Chow**, **Tuan Tan Wei Kiat**, dan **Puan Nooraihan**.

Selain latihan, peserta berpeluang menerima **geran padanan perniagaan**, **lawatan industri** dan **pengiktirafan khas**. Ikon Usahanita Digital pula akan menerima wang tunai, peluang eksklusif menyertai lawatan industri ke luar negara dan menerima trofi serta sijil penyertaan.

Program USAHANITA DIGITAL mendapat sokongan penuh dan sumbangan kepakaran daripada semua rakan kolaborator yang terlibat, sekaligus membuktikan komitmen kolektif dalam melonjakkan potensi wanita muda sebagai pemacu ekonomi digital negeri.

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan media, sila layari laman rasmi Wanita Berdaya Selangor atau hubungi **Cik Farah Nadirah Mohd Salahuddin** di talian **019-2982771** atau emel ke [farah.nadirah@wbselangor.com.my](mailto:farah.nadirah@wbselangor.com.my).

-Tamat-

**JABATAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN & KOMUNIKASI STRATEGIK**  
**WANITA BERDAYA SELANGOR**  
**20 MAC 2025**